KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	18/11/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	JMG			

Belum pernah ketulan emas ditemukan

Utusan
18.11.2021_10

PETALING JAYA: Orang ramai dinasihatkan tidak terlalu melulu membuat andaian sebelum membuat pengesahan sama ada ketulan yang ditemukan di sungai atau di mana-mana lokasi adalah emas atau sebaliknya.

Presiden Institut Geologi Malaysia (IGM), Abd, Rasid Jaapar berkata, sehingga kini, negara belum pernah menjumpai ketulan emas sepertimana yang didakwa di Kampung Bukit Lata, Kelantan dan beberapa tempat lain di Semenanjung.

Katanya, setakat dijumpai adalah emas jenis *alluvial* yang merupakan emas diendapkan bersama material sedimen dibawa oleh arus sungai.

"Ketulan didakwa emas itu adalah pyrite yang mempunyai kandungan besi tinggi disebabkan struktur *chemicalnya* yang mengeluarkan warna menyerupai emas.

"Apabila kita gesel ketulan itu dengan parang contohnya, jika ia tinggalkan calar hitam, maknanya itu adalah iron. Tetapi jika emas betul, ia tak luntur apabila digesel.

"Jadi orang ramai yang menjumpai mineral-mineral menarik dinasihatkan berhubung dengan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) atau berhubung dengan IGM," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan, ketulan batu kononnya mengandungi emas yang dijumpai di Kampung Bukit Lata, Kelantan rupa-rupanya batu logam biasa yang tidak mempunyai nilai tinggi sebagaimana disangka.

Menurut Abd. Rasid, sesebuah kawasan itu ditentukan sama ada mempunyai emas atau sebaliknya bukan lagi rahsia pada masa ini.

Katanya, ini kerana orang ramai boleh melihat melalui peta emas yang disediakan oleh JMG.

"Malaysia mempunyai tiga jalur iaitu jalur timur, tengah dan barat dan melalui peta emas itu ada tompokan-tompokan yang dikenal pasti berpotensi emas.

"Secara geologinya, kawasan itu berpotensi untuk ada emas, tetapi, jika kawasan itu secara geologinya tidak berpotensi untuk ada emas, maka memang tidak ada.

"Jadi yang termasuk dalam jalur itu, maka banyaknya di Kelantan, Terengganu dan Pahang.," katanya.

Penduduk tertipu, batu 'emas' dicampak ke sungai



UTUSAN Malaysia semalam.